



# Da'i Pendakwah Melenia CEMERLANG

Kejayaan pikat tontonan hampir 2 juta setiap minggu sungguh tidak diduga

Oleh Rudy Imran Shamsudin  
imran@hmetro.com.my

Rancangan realiti yang mencungkil bakat golongan muda untuk bergelar pendakwah, Da'i Pendakwah Melenia mencipta sejarah lagi apabila sepanjang musim ini, ia muncul sebagai program memperoleh jumlah tontonan tertinggi.

Lebih membanggakan pihak produksi Da'i, kejayaan itu diraih walaupun waktu sama turut bersiaran satu lagi program realiti bercorak hiburan dan popular.

Musim lalu, rancangan menampilkan Datuk Rosyam Nor selaku pengacara mencatat kejayaan membanggakan apabila peringkat akhir Da'i menarik hampir tiga juta pe-

nonton.

Musim ini, rancangan yang disiarkan TV3 secara langsung setiap Ahad, mulai jam 9 malam, ditonton secara purata hampir dua juta orang setiap minggu.

Kejayaan diraih membuatkan ramai pihak berfikir apakah faktor penyumbang hingga program yang tidak memiliki elemen hiburan dan hanya menentang bakat muda dalam membimbing masyarakat menerusi ilmu agama, menjadi pilihan tontonan.

Mungkinkah kehangatan dan kegilaan penonton terhadap program Da'i menjadi penanda aras bahawa masyarakat Islam di Malaysia sememangnya mahukan program yang boleh dijadikan makanan jiwa kepada mereka yang

berasa kosong dan tandus ilmu.

Atau faktor populariti yang diterapkan dalam program realiti keagamaan seperti Da'i ini menjadi tarikan penonton untuk menyaksikannya. Apatah lagi ia dikendalikan aktor terkenal di samping penampilan istimewa beberapa tokoh agama tempatan seperti Datuk Kazim Elias atau Ustaz Kazim selaku musyid kepada peserta atau juga meletakkan beberapa selebriti popular sebagai juri awam.

Membicarakan soal ini, Rosyam yang ditemui bersama peserta separuh akhir Da'i, mengakui mungkin kemunculannya sebagai pengacara program turut membantu dan menjadi tarikan.

Tambah pula sudah

lama Rosyam tidak muncul di TV dan membintangi mana-mana drama.

Kata Rosyam, sejak tahun lalu lagi ada pihak mempertikaikan mengapa pelakon sepertinya dipilih.

"Dakwaan itu dibuat berdasarkan filem yang saya bintang sebelum ini. Syukur selepas mereka menonton sendiri bagaimana saya mengendalikannya. Kalau henak dilibatkan, beberapa aktor lain turut mempengaruhi kejayaan diraih rancangan ini.

"Tindakan bijak mengubah waktu siaran dari Jumaat kepada Ahad juga banyak membantu kerana sebelum ini disiarkan pada hari bekerja.

"Apabila disiarkan pada hari bekerja, Jumaat sebenarnya hari paling sibuk. Apabila disiarkan pada Ahad, ia adalah hari orang berehat dan punya masa untuk menonton," katanya.

Perubahan konsep dan beberapa kejutan dibuat produksi juga menjadikan program Da'i bertambah menarik kerana ia menunjukkan kehebatan peserta dalam menyampaikan hujah mereka. Selain itu, penampilan pakar agama dan ustaz berkaliber turut menjadi tarikan.

Malam ini, Da'i akan menampilkan kehebatan empat peserta bersaing bagi menempah tempat di peringkat akhir. Mereka yang masih meneruskan perjuangan ialah Ahmad Fuad Mohamad Mokhtar atau Fuad, 20; Nur Hidayu Mohd Kamil (Hidayu), 23; Hamidah Ab Razak (Hamidah), 23; dan Luqmanul Hakim Joohari (Luqman), 26.

Bertemu dengan peserta bakal bersaing dan membicarakan soal tekanan dihadapi untuk berhadapan dengan persaingan bagi menempah tempat di peringkat akhir, mereka menegaskan pembabitan datuk tarikan penonton untuk menyaksikannya. Apatah lagi ia dikendalikan aktor terkenal di samping penampilan istimewa beberapa tokoh agama tempatan seperti Datuk Kazim Elias atau Ustaz Kazim selaku musyid kepada peserta atau juga meletakkan beberapa selebriti popular sebagai juri awam.

Apa yang penting bagi mereka ialah memikirkan soal dakwah dan rancangan realiti terbitan TV3 itu membuka peluang itu kepada mereka.

Fuad berasal dari Selangor dan kini menuntut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam bidang Dakwah dan Pengurusan Islam, menjadi peserta kegemaran penonton dan dijangka bergelar juara.

Bagaimanapun, Fuad menegaskan semua peser-

ta yang ada dalam menyertai Da'i adalah hebat dan mempunyai kelebihan.

"Orang melihat saya bagus tetapi kalau hendak dilibatkan, persembahan saya ada pasang surutnya. Saya juga pernah menerima kritikan. Begitu juga peserta lain. Jadi susah kalau menjangka kalau saya bakal bergelar juara," katanya.

Luqman yang sepatutnya tersingkir minggu lalu, terselamat apabila juri memberi peluang kepadanya untuk membuktikan yang dia layak bersaing di peringkat separuh akhir malam ini.

Kalau dilihat daripada latar pendidikan Diploma Syariah Undang-Undang dari Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang berbanding peserta yang menuntut pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, mungkin ia dilihat menjadi kekurangan untuknya memberi persaingan berbanding tiga lagi peserta.

Luqman yang juga peserta paling tua dan berasal dari Pulau Pinang sebaliknya berkata, pengalaman dilalui dalam mendalami ilmu agama dirasakan menjadi kelesi-

han. "Hendak dilibatkan, pada asalnya saya pelajar perubatan di USIM tetapi gagal menghabiskan pengajian kerana kurang minat. Saya mahu mendalami ilmu agama dan ia lebih dekat dengan jiwa saya.

"Atas dorongan keluarga juga menyebabkan saya menukar aliran pengajian. Bagaimanapun, peserta lain tidak melalui pengalaman itu," katanya.

Seperkara lagi, kata Luqman, dia tidak pernah melihat pembabitannya dalam pertandingan Da'i sebagai persaingan tetapi tegasnya, semua peserta dipilih menyertai rancangan ini sebenarnya adalah insan terpilih, kerana ada perkara yang mahu disampaikan kepada umum.

## Wanita sukar bergelar juara?

Melihat konsep program Da'i, ini kali pertama menampilkan peserta wanita bersaing dengan lelaki. Pastinya dalam apa saja program realiti bercorak keagamaan, perhatian selalunya memihak peserta lelaki berbanding perempuan. Atas alasan ini, susah untuk peserta perempuan muncul juara.

Perkara ini diakui Hamidah Ab Razak kerana ustaz lelaki dan muda lebih menonjol. Katanya, apa yang difikirkan ketika menyertai program ini ialah pendekatan untuk menyampaikan

ilmu yang dimiliki. "Mengenai persaingan dan kelebihan peserta lelaki, al-Quran ada menyebut lelaki lebih layak menjadi ketua dan lebih utama. Dalam konteks ini saya hormat dengan peserta lelaki yang ada.

"Begitupun, dalam menyampaikan dakwah, seharusnya lelaki dan wanita saling bekerjasama kerana ada perkara lebih sesuai disampaikan orang perempuan. Tambah pula fitrah wanita itu lembut," katanya.

Bercerita lanjut mengenai pembabitan peserta wanita, Hidayu yang kini mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Psikologi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengaskan, wanita sekarang mempunyai

kelebihan kerana diberi hak sama rata untuk menimba ilmu.

"Sekarang ini pun kita lihat ramai pemimpin perempuan dalam barisan Kabinet. Ia jauh berbeza berbanding dulu. Hak wanita juga dilktrif.

"Tapi dalam dunia dakwah, kita kekurangan tenaga kerja wanita sedangkan wanita lebih senang mendekati wanita memabitkan perih dakwah ini.

"Saya melihat Da'i menjadi platform untuk melahirkan lebih ramai pendakwah wanita di Malaysia. Dalam bersaing antara lelaki dan perempuan, tentu kita harus melihat pada sudut mana kelebihan peserta lelaki dan kelebihan peserta wanita," katanya.



FUAD (kiri) dan Luqman

HAMIDAH

HIDAYU